

**LAPORAN PELAKSANAAN KONVENSYEN MAJLIS BERSAMA JABATAN
PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN
2013**

1.0 TUJUAN

Laporan ini disediakan bertujuan memaklumkan pelaksanaan program ***Konvensyen Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2013*** yang telah dilaksanakan pada **28 Februari 2013** bertempat **di Ballroom, Dewan Jubli Perak** dan dihadiri oleh 105 orang pegawai/kakitangan di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1. Susulan daripada tamatnya tempoh pelantikan Ahli-Ahli Pekerja MBJ sesi 2011-2013 dan pelantikan baru Ahli-Ahli Pihak Pekerja MBJ sesi 2013-2015, Pentadbiran ini selaku urus setia Majlis Bersama Jabatan (MBJ), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan Konvensyen Majlis Bersama Jabatan (MBJ) pada 28 Februari 2013 yang lalu. Sasaran peserta program ini adalah Ahli-Ahli MBJ Pejabat SUK Selangor dan juga para urus setia MBJ semua Jabatan / Agensi negeri.
- 2.2. Objektif-objektif utama Konvensyen ini diadakan adalah seperti berikut:-
- i- Sebagai tanda penghargaan kepada Ahli-Ahli MBJ sesi 2011-2013;
 - ii- Sebagai platform rasmi bagi upacara penyerahan surat pelantikan sebagai Ahli-Ahli MBJ sesi 2013-2015; dan
 - iii- Sebagai wadah percambahan ilmu dan pengalaman di antara para urus setia MBJ di setiap Jabatan / Agensi, di samping sesi taklimat oleh penceramah JPA yang turut diselitkan dalam program.

3.0 **PELAKSANAAN PROGRAM**

- 3.1 Konvensyen MBJ dimulakan dengan sesi pendaftaran pegawai/kakitangan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor pada pukul 8:00 pagi. Sebanyak 105 orang pegawai/kakitangan telah menghadiri Konvensyen ini.
- 3.2 Konvensyen ini dimulakan tepat pada pukul 8:40 pagi dengan bacaan doa bagi memberkati majlis dan seterusnya ucapan perasmian oleh Y.Bhg Dato' Tarmedi Hj. Omar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor merangkap Pengerusi Majlis Bersama Jabatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Antara kandungan utama ucapan YBhg. Dato' ialah:
 - 3.2.1 sejarah penubuhan MBJ Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang ditubuhkan pada 26 Jun 2001;
 - 3.2.2 penambahbaikan pelaksanaan MBJ di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri, di antaranya dengan melaksanakan pemberian sijil penghargaan kepada Jabatan/Agensi yang berjaya melaksanakan mesyuarat MBJ sebanyak 4 kali setahun mulai tahun 2011; dan
 - 3.2.3 pemantauan pelaksanaan sub-modul Majlis Bersama Jabatan sistem HRMIS oleh Jabatan/Agensi untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan pemantauan Aplikasi HRMIS serta Mesyuarat Pemandu Aplikasi HRMIS.
- 3.3 Konvensyen diteruskan dengan pemberian sijil penghargaan berserta hadiah cendera hati kepada ahli-ahli MBJ sesi 2011 - 2013 dan surat perlantikan ahli-ahli MBJ yang baru bagi sesi 2013 - 2015 oleh YBhg. Dato' Tarmedi Hj. Omar. Konvensyen berhenti seketika untuk minum pagi.
- 3.4 Selesai minum pagi, Puan Syaifena binti Zainuddin dari Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) memberikan taklimat berhubung **Dasar dan Peraturan Pelaksanaan Majlis Bersama Jabatan**. Konsep pembentangan beliau adalah membuka sesi perbincangan serta soal jawab dua hala. Antara butir-butir penerangan beliau ialah:
 - 3.4.1 tujuan, sejarah serta dasar dan peraturan yang diguna pakai dalam MBJ;


- 3.4.2 proses penubuhan MBJ yang meliputi bilangan ahli-ahli MBJ, perlembagaan MBJ, tugas dan peranan MBJ kepada Jabatan/Agensi;
- 3.4.3 proses pengurusan mesyuarat, kepentingan minit mesyuarat serta usul-usul yang boleh dibincangkan dalam mesyuarat; dan
- 3.4.4 peranan Jabatan perkhidmatan Awam sebagai penyelaras MBJ.

4.0 **KELEMAHAN/ MASALAH SEPANJANG PROGRAM**

- 4.1 Permulaan program yang tepat pada pukul 8:40 pagi menyebabkan ramai pegawai/kakitangan, terutamanya dari Jabatan / Agensi yang terletak jauh dari Shah Alam, tidak dapat hadir tepat pada waktunya dan kebanyakannya baru mendaftarkan diri walaupun ucapatama YBhg. Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah pun bermula.
- 4.2 Majlis penyerahan sijil penghargaan dan surat pelantikan juga tidak dapat diadakan dengan sempurna memandangkan ada ahli-ahli MBJ yang lewat hadir dan tidak dapat mendaftarkan diri kepada urus setia menyebabkan nama-nama pegawai terbabit tidak dipanggil ke atas pentas bagi tujuan tersebut.
- 4.3 Tempoh masa yang diperuntukkan bagi pembentangan / taklimat oleh Bahagian Saraan, JPA adalah tidak mencukupi menyebabkan terdapatnya pertanyaan / maklum balas peserta yang tidak dapat dipenuhi.

5.0 **SYOR**

- 4.1 Bagi program Konvensyen MBJ yang akan datang, waktu permulaan program perlu dilewatkan sedikit agar para peserta dapat menghadiri Konvensyen pada masa yang ditetapkan dan mengelakkan situasi yang agak kelam-kabut semasa permulaan program.
- 4.2 Tempoh masa yang diperuntukkan bagi sesi pembentangan / taklimat oleh penceramah dari JPA perlu ditambah bagi memastikan penyampaian maklumat dan perkongsian info yang optimum dapat dicapai.



Disediakan oleh :
(AZIMAH BINTI MOHD ZAINUDDIN)
PENOLONG PEGAWAI TADBIR
(TATATERTIB)
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER
MANUSIA

Disahkan Oleh :
(MUHAMMAD SIDDIQ BIN MASROR)
PENOLONG SETIAUSAHA (TATATERTIB)
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER
MANUSIA